

Agong gesa agama Islam dipertahankan
Malaysian Insider
10 Mac, 2014
Oleh Diyana Ibrahim

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah bertitah hari ini bahawa Islam sebagai agama bagi Persekutuan sepertimana termaktub dalam Perlembagaan perlu terus dimartabatkan.

Titah baginda, kecelaruan pemikiran ummah dan ancaman akidah misalnya fahaman pluralisme serta penyebaran ajaran sesat perlu ditangani pihak berkuasa agama selaras dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Tindakan tegas mesti diambil ke atas anasir-anasir jahat yang cuba menyebarkan pemikiran dan tindak tanduk bertujuan meruntuhkan nilai-nilai serta keluhuran perlembagaan," titah baginda dalam ucapan di Parlimen hari ini di Kuala Lumpur.

Dalam ucapan pembukaan itu baginda juga menzahirkan simpati kepada penumpang dan anak kapal serta keluarga insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 ke Beijing, Sabtu lalu.

"Di kesempatan ini, beta dan Raja Permaisuri Agong bersama rakyat Malaysia amat prihatin terhadap insiden yang berlaku ke atas pesawat MH370 penerbangan Malaysia ke Beijing pada Sabtu 8 Mac 2014."

"Beta berharap agar ahli keluarga penumpang dan anak kapal terlibat dapat bertenang dan tabah menerima ketentuan tersebut," titahnya.

Antara lain baginda bertitah bahawa tindakan tegas mesti diambil ke atas anasir jahat yang cuba menyebarkan pemikiran dan tindak tanduk bertujuan meruntuhkan nilai serta keluhuran perlembagaan negara.

"Semua pihak perlu sedar akan peri pentingkan perpaduan dengan kembali kepada landasan sebenar asas penubuhan negara seperti dihasratkan pemimpin terdahulu," titahnya.

Baginda berkata untuk tujuan memelihara keharmonian negara, kerajaan menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara untuk mencari kebersamaan dalam pelbagai isu agama dan etnik.

Justeru, baginda menyeru agar semua pihak mengelak daripada membuat sebarang kenyataan atau tindakan bersifat provokasi dan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

"Ingatlah apabila terurainya perpaduan, negara akan menuju kehancuran.

"Justeru, kita hendaklah mengukuhkan perpaduan dengan memupuk perasaan hormat menghormati dan kesederhanaan dalam menjalani kehidupan," titahnya. – 10 Mac, 2014.

dipertahankan